


**NOTIS SEBUTHARGA**

**SEBUTHARGA NO.: LLM/UB/SH: 3/2/3/26**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) serta beralamat pendaftaran dalam negeri yang sama dengan lokasi kerja sahaja, layak untuk mengambil bahagian (*Pekeliling Perbendaharaan PK 2.9 para 2.3 (i) (b)*) bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

TAJUK	GRED, KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN	TEMPOH JUALAN DAN PENGAMBILAN DOKUMEN TAWARAN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BAGI PEPASANGAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIK DI PEJABAT WILAYAH TIMUR, LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA, KUANTAN, PAHANG (2026-2028)	CIDB Gred G2 Kategori ME Pengkhususan E11	<u>Tempoh Jualan:</u> 6 April 2026 hingga 17 April 2026  <u>Pengambilan Dokumen Yang Telah Dibeli:</u>  Isnin hingga Khamis: 8.30 pagi hingga 1.00 tgh 2.00 ptg hingga 4.30 ptg  Jumaat: 8.30 pagi hingga 12.15 tgh 2.45 ptg hingga 4.30 ptg	27 April 2026 Jam 12.00 tgh  <u>Tempat:</u> Pejabat Wilayah Timur, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Persimpangan Bertingkat Kuantan-LPT, 26050 Kuantan, Pahang.

2. Kontraktor yang berminat hendaklah berdaftar dalam gred dan pengkhususan yang dinyatakan di atas. **Satu taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada 6 April 2026 jam 11.00 pagi di Pejabat Wilayah Timur, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Persimpangan Bertingkat Kuantan-LPT, 26050 Kuantan, Pahang.** Nombor telefon untuk dihubungi: 09-561 2472 (Pejabat Wilayah Timur, LLM, Kuantan). Kehadiran pada sesi taklimat dan lawatan tapak adalah **diwajibkan**.
3. **Hanya penama** di dalam **Sijil Perakuan Pendaftaran, CIDB** sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Wakil selain daripada penama adalah tidak dibenarkan. Kontraktor dikehendaki membawa bersama-sama **sijil asal Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** yang masih berkuatkuasa dan satu salinan bagi sijil-sijil tersebut berserta kad pengenalan semasa menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak.
4. Harga dokumen adalah sebanyak **RM50.00** setiap naskah dan tidak dikembalikan. Bayaran hendaklah dibuat atas nama **Ketua Pengarah LLM dengan menggunakan 'LLM Payment Gateway Service'** di laman web rasmi LLM iaitu melalui pautan pembelian online yang dipaparkan dalam iklan ini. **Hanya kontraktor yang LAYAK SAHAJA (yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak) akan menerima Payment Code** untuk pembelian online. Sebarang pertanyaan mengenai pembelian boleh menghubungi talian **03-8738 3033/3106 (Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak)**.
5. Sila **cetak resit bayaran sebagai bukti apabila mengambil dokumen di kaunter Pejabat Wilayah Timur, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Persimpangan Bertingkat Kuantan-LPT, 26050 Kuantan, Pahang.** Nombor telefon untuk dihubungi: 09-561 2472 (Pejabat Wilayah Timur, LLM, Kuantan) atau 03-8738 3033/3106 (Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, LLM). **Dokumen Tawaran** akan dikeluarkan kepada wakil syarikat yang telah diberi kuasa dengan sepenuhnya sahaja. Untuk maksud ini, wakil syarikat dikehendaki membawa bersama-sama Surat Perwakilan Kuasa dan mengemukakan **salinan asal Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB** yang masih berkuatkuasa serta bukti pembayaran pembelian dokumen semasa mengambil Dokumen Tawaran.
6. Dokumen Sebutharga yang telah siap diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat **Pejabat Wilayah Timur, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Persimpangan Bertingkat Kuantan-LPT, 26050 Kuantan, Pahang sebelum atau pada 27 April 2026 jam 12.00 tengahari.** Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.
7. Semua perbelanjaan yang terlibat untuk membuat tawaran atau sebutharga berkenaan atau apa-apa perbelanjaan bersangkutan dengannya, adalah menjadi tanggungan kontraktor sepenuhnya. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat dan tidak bertanggungjawab untuk membayar balik apa-apa kos yang ditanggung oleh pihak kontraktor.



(Sr DR. AZMI BIN MOHAMED @ MOHD ADNAN)  
 Pengarah Ukur Bahan Dan Kontrak  
 b.p Ketua Pengarah  
 Lembaga Lebuhraya Malaysia

30/3/2026